

15 DEC 2003

MAHATHIR-KUASA/I

DR MAHATHIR: ASIA TIMUR TIDAK PERLU GENTAR DENGAN KUASA BESAR

Oleh: Jeffri Rafiee

SEOUL, 15 Dis (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad memberitahu Forum Asia Timur yang sedang berlangsung di sini hari ini supaya tidak gentar dengan kuasa besar dan tidak menggunakan konfrontasi.

"Kami mesti meyakinkan semula diri kita bahawa mereka cukup waras untuk menyedari bahawa Asia terlalu besar bagi negara terkuat mereka sekali pun untuk menakluk dan memerintah," katanya semasa menyampaikan ucapan pada forum hari ini yang bertemakan "Komuniti Asia Timur, Mencari Visi Bersama".

Forum dua hari itu yang diadakan untuk pertama kalinya menampilkan empat bekas ketua kerajaan di Asia Timur.

Selain daripada bekas perdana menteri Malaysia, bekas perdana menteri Vietnam Vo Van Kiet, bekas presiden Korea Selatan Kim Dae Jung dan bekas perdana menteri Jepun Hata Chutomu juga turut hadir pada forum itu.

Dr Mahathir berkata adalah tidak berfaedah melengkapkan pasukan tentera dengan senjata berat dan mahal.

"Sebaliknya, dengan pengaruh ekonomi yang kuat yang kita ada, kita sepatutnya bersama-sama memastikan hak kita didukung. Dalam proses itu, keamanan dikekalkan dan pertumbuhan ekonomi dipertahankan," katanya. --

Dr Mahathir juga menyeru negara-negara Asia Timur supaya memberi tumpuan terhadap kerjasama ekonomi di kalangan mereka. "Kita telah mengadakan permulaan yang baik dengan forum Asean + 3." Forum perundingan mengenai isu-isu kepentingan bersama kini berkembang ke arah penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

Mengenai masa depan perkumpulan, beliau berkata: "Ianya terpulang kepada negara-negara Asia Timur untuk memutuskannya. Ia merupakan masa depan mereka. Jika yang lain boleh memutuskan apa yang mereka mahu lakukan untuk masa depan, Asia Timur juga perlu ada hak yang sama untuk berbuat demikian."

Bagaimanapun, beliau meminta perkumpulan berkenaan supaya tidak membentuk perkumpulan yang sama dengan NATO dalam komuniti Asia Timur. "Kita tidak sepatutnya membuat satu pakatan pertahanan yang menunjukkan bahawa kita mempunyai musuh dan kita mahu bersedia untuk memerangi musuh itu. Musuh berkenaan akan sebaliknya bersedia untuk melawan kita."

Dengan menyatakan bahawa pasukan tentera di Asia Timur bertindak mengikut dasar dan komitmen negara mereka untuk keselamatan dalaman, Dr Mahathir menyeru negara-negara Asia Timur supaya bersetuju mengurangkan pasukan tentera dan senjata canggih mereka.

"Perlumbaan senjata perlu dielakkan, dengan perjanjian," katanya.

Dalam ucapannya Dr Mahathir juga menyentuh mengenai keperluan pasukan polis untuk dunia. "Tetapi, dalam hal polis negara, ia perlu di bawah kawalan pihak berkuasa awam dunia.

"Pasukan polis yang bebas daripada (kawalan) kerajaan merupakan satu ancaman kepada masyarakat daripada sebagai pelindung," kata beliau.

Beliau sekali lagi menyelar pihak-pihak yang melaung-laungkan demokrasi dan memaksa yang lain mengikut sistem mereka. Tanpa menamakan sesiapa, beliau berkata: "Adalah suatu yang hipokrit, orang yang sama yang membangunkan lebih banyak mesin pembunuh membincangkan mengenai hak asasi manusia dan keadilan serta peraturan undang-undang.

"Demokrasi ialah mengenai akal budi, bukan paksaan ancaman kematian dan pemusnahan dengan menggunakan mesin pembunuh berkenaan," katanya.

Sekiranya mereka ikhlas, beliau berkata mereka sepatutnya menerima

penyelesaian pertikaian melalui perundingan, timbang tara atau mengemukakan kepada mahkamah keadilan antarabangsa.

Dr Mahathir juga menjelaskan mengenai kebaikan belajar daripada sejarah. "Untuk mendapat faedah daripada masa lampau, kita perlu memilih apa yang kita mahu bagi mengulangi serta apa yang mahu dielakkan dan dilupakan."

Mengingati permusuhan dan mengekalkan mereka tidak akan memperbaiki keadaan sekarang, kata beliau. "Pelajaran daripada sejarah bukan sahaja mengenai apa yang telah berlaku tetapi mengetahui mengenai kesilapan yang telah menyebabkan suatu yang malang berlaku dan penderitaan di masa lalu dan dengan mengetahuinya dapat mengelakkan daripada melakukan kesilapan yang sama." -- BERNAMA

JR SD NHD